

## ANALISA SATU ASPEK BM BERDASARKAN STRUKTURALISME

LUTFI ABAS

*Jabatan Pengajian Melayu  
Universiti Malaya*

### 1. Strukturalisme

Strukturalisme adalah fahaman yang beranggapan bahawa sesuatu konsep dalam ilmu pengetahuan mestilah ditakrifkan berdasarkan kedudukan representasi konsep itu di antara representasi-representasi konsep-konsep lain. Misalnya, dalam linguistik, kita ambil konsep Nama. Konsep ini diwakili dalam BM oleh *rumah, guru, kucing, meranti, hari*, dsb.

Tetapi apakah takrif Nama menurut fahaman strukturalisme? Strukturalisme menghendaki bahawa takrif Nama mestilah berdasarkan kedudukan representasi Nama itu dalam hubungannya dengan representasi-representasi konsep-konsep lain. Konsep-konsep lain yang berhubungan dengan konsep Nama adalah Bilangan dan Penjodoh Bilangan (dan juga Penunjuk). Representasi Bilangan misalnya: *dua*. Representasi Penjodoh Bilangan misalnya: *buah, ekor, batang*.

Untuk membuat takrif Nama berdasarkan strukturalisme, kita memperhatikan data, misalnya:

*dua buah rumah  
dua ekor burung  
dua hari  
dua persatuan  
dua buah persatuan*